

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK MOHAN A/L  
THANGARASU

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

**SOALAN NO. 3**

Datuk Mohan A/L Thangarasu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan keadaan sebenar masalah '*Period Poverty*' di Malaysia. Walaupun Kerajaan memberi peruntukan untuk 130,000 remaja wanita B40 dalam Bajet 2022, tetapi apakah rancangan jangka panjang Kerajaan dalam mengatasi masalah ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN LIM HUI YING**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN NO. 28**

**Puan Lim Hui Ying** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan dan tindakan Kementerian dalam menangani permasalahan tidak mampu membeli tuala wanita oleh keluarga miskin.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN FADHLINA BINTI DATO' SIDEK**

**TARIKH : 22 DISEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN NO. 50**

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik terkini berkaitan isu kemiskinan haid, punca dan langkah membendung isu ini dalam kalangan masyarakat khususnya wanita dan kanak-kanak perempuan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan daripada **YB Senator Datuk Mohan A/L Thangarasu**, bersekali dengan pertanyaan daripada **YB Senator Puan Lim Hui Ying** pada tarikh hari ini dan **YB Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek bertarikh 22 Disember 2021** kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait dan merujuk kepada isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

Berkaitan dengan isu haid ini merujuk kepada Kemiskinan Haid merujuk kepada situasi apabila individu perempuan tidak mendapat akses kepada produk kebersihan wanita seperti tuala wanita disebabkan kekangan kewangan yang dialami. Antara elemen yang mempengaruhi Kemiskinan Haid dalam negara meliputi aspek berikut:

- (i) Kekangan mendapatkan bekalan tuala wanita;
- (ii) Kebersihan atau fasiliti untuk wanita menukar tuala wanita;
- (iii) Sokongan sosial kepada mengamalkan kebersihan haid; dan
- (iv) Pendidikan Kesihatan Reproduksi.

Di Malaysia, terdapat 3.2 juta remaja berumur antara 12 hingga 17 tahun, manakala golongan B40 dianggarkan sebanyak 1.28 juta remaja daripada kumpulan pendapatan keluarga kurang daripada RM4,849. Hasil daripada kajian mendapati iaitu daripada 30 buah negara di dunia, terdapat 73 peratus responden mempunyai akses yang terhad kepada produk kebersihan haid terutamanya semasa pandemik COVID-19.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah melaksanakan program rintis Kemiskinan Haid oleh Pusat Remaja KafeTEEN W.P Kuala Lumpur iaitu melibatkan 13 Komuniti PPR dan dua (2) Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sekitar Kuala Lumpur terlibat dalam pelaksanaan projek rintis ini yang telah memberi manfaat

## SOALAN NO. : 3, 28 & 50

kepada seramai 350 orang remaja berusia antara 13 hingga 24 tahun dalam kalangan golongan B40.

Hasil dapatan daripada tinjauan pendapat kepada penerima remaja tersebut mendapati sebanyak 13.1 peratus remaja tersebut menyatakan harga produk pengurusan haid di pasaran tidak berpatutan dan tidak mampu dimiliki dan sebanyak 16.4 peratus pula menyatakan pernah mengalami kesulitan mendapatkan produk pengurusan haid dalam tahun ini.

KPWKM telah berusaha untuk mengadakan pelbagai program kesedaran selain daripada Program Pemberian Bantuan Kit Pembersihan ini kepada 130,000 remaja. Di mana kita telah mengadakan program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) untuk mendidik remaja supaya remaja mendapat ilmu pengetahuan dan kemahiran tentang pendidikan kesihatan dan supaya remaja mengetahui hak mereka dan membantu meneruskan rutin kebersihan, kesihatan fizikal dan mental terutama semasa pandemik dan juga membantu rentan supaya cakna dan memperkasakan diri dengan mendapatkan maklumat kebersihan diri wanita yang tepat, sahih dan daripada sumber yang betul dan kita bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk mendapat sokongan.

Kita berharap dengan pelbagai program yang kita sediakan ini kita dapat membantu golongan remaja bermasalah ini untuk mereka sama-sama mendapat menjaga kebersihan diri terutamanya berkaitan isu haid.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' ISA BIN AB. HAMID**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**Dato' Isa Bin Ab. Hamid** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah Orang Asli yang mengikuti program SMARTSTART (kursus perkahwinan bukan Islam) dan jumlah keluarga Orang Asli yang bercerai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian tiada data spesifik yang menyatakan bilangan orang asli yang mengikuti program SMARTSTART (kursus perkahwinan bukan Islam). Namun KPWKM melalui LPPKN ada melaksanakan program melibatkan orang Asli iaitu Program Pemerkasaan Keluarga dan Komuniti (FACE) di Kampung Orang Asli Bukit Payung, Alor Gajah Melaka. Program ini telah dilaksanakan bermula pada 22 Oktober 2016 dan sehingga kini sebanyak 6 program intervensi telah dilaksanakan yang melibatkan seramai 1,123 penerima manfaat.

Program SMARTSTART telah dilaksanakan sejak tahun 2013 dan sehingga kini, sebanyak 699 program telah dilaksanakan melibatkan seramai 28,219 peserta yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Pelaksanaan program SMARTSTART ketika ini adalah melalui Geran Bantuan Khas Perbendaharaan (BKP) yang diberikan kepada Badan Bukan kerajaan (NGO). Justeru pihak kementerian amat mengalu-alukan NGO untuk memohon geran tersebut.

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bertindak sebagai pendaftar perkahwinan dan perceraian bagi pasangan bukan beragama Islam selaras dengan peruntukan di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]. Akta ini tidak terpakai bagi seseorang anak Negeri (*native*) Sabah, Sarawak atau seseorang Orang Asli Semenanjung Malaysia yang perkahwinan dan perceraianya tertakluk kepada Undang-Undang Adat Anak Negeri atau Adat Orang Asli melainkan jika mereka memilih untuk berkahwin di bawah Akta ini.

Urusan prosiding Perceraian adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Malaysia. JPN hanya bertanggungjawab mengemaskini suatu rekod perkahwinan di dalam sistem JPN melalui sesuatu dikri perceraian atau pembatalan perkahwinan bagi pasangan bukan beragama Islam setelah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Malaysia.

**SOALAN NO. : 17**

Berdasarkan rekod JPN, data perceraian Orang Asli bukan Islam dari Januari 2021 sehingga kini yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi Malaysia adalah sebanyak **28 kes**.

Sekian, terima kasih.